

02 MAY 2001

DR MAHATHIR AKAN BERUCAP DI MAJLIS ALUMNI HARVARD

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan di majlis makan malam Kelab Almuni Sekolah Perniagaan Harvard dan Dewan Perniagaan Amerika Malaysia pada 23 Mei ini.

Presiden Kelab Datuk Adam Kadir hari ini berkata, majlis makan malam di Hotel Shangri-La itu bukan sahaja terbuka bagi anggota dua badan itu tetapi juga bagi syarikat-syarikat dan individu-individu.

Mereka yang berminat untuk turut menyertai majlis makan malam itu boleh menghubungi Sharon di Tel: 03-271-80888 atau Siva di 03-2550899.

-- BERNAMA

AU AU PR